

22 DEC 1997

SOROTAN: LUAR NEGERI

KRISIS MATAWANG ASIAN MENJEJAS DASAR LUAR

Oleh: Abdul Muin Majid

KUALA LUMPUR; -- Kalaulah tidak kerana krisis ekonomi yang sedang melanda kebanyakan negara Asia Timur, tahun 1997 sudah pasti menyaksikan Malaysia mencatat lebih banyak kecemerlangan dan kegiatan dalam bidang hubungan luarnya.

Separuh penggal pertama 1997 menyaksikan banyak sekali aktiviti dijalankan di negara ini, termasuk pelbagai persidangan penting peringkat wilayah dan antarabangsa.

Menerusi salah satu daripada persidangan itu, impian pengasas Asean untuk menyaksikan terbentuknya "Asean 10" hampir tercapai, berikutan penerimaan masuk dua anggota baru iaitu Myanmar dan Laos. Satu-satunya negara Asia Tenggara yang belum menyertai "kelab serantau" itu ialah Kemboja.

Kelewatan menerima masuk Kemboja ke dalam Asean berpunca daripada kegawatan perebutan kuasa antara dua Perdana Menteri bersama yang hingga kini belum selesai, walaupun Perdana Menteri Kedua Hun Sen secara efektif telah berjaya mengusir Perdana Menteri Pertama Putera Norodom Ranariddh.

Bagaimanapun, beberapa persidangan lain yang menyusuli Mesyuarat Menteri-menteri Asean Julai lepas pada amnya lebih tertumpu kepada masalah kemerosotan nilai matawang yang mencengkam beberapa negara Asia Timur. Berikutan kejatuhan nilai Baht Thailand, negara-negara sekitarnya turut merasai kesan apa yang dipanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "kesan tomyam".

Daripada sebuah wilayah yang paling pesat membangun dan penjana pertumbuhan ekonomi dunia yang unggul, Asia Timur hari ini lebih kelihatan sebagai sebuah rantau yang malap di persada antarabangsa.

Suasana kemalapan itu dapat dirasai pada beberapa persidangan antarabangsa yang diadakan, termasuk Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Kali Ke 2 yang baru selesai, Sidang Kemuncak Asean-China, Jepun dan Korea Utara; mesyuarat negara-negara membangun G15 pada bulan Oktober dan Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean/Asia.

Enam bulan terakhir tahun ini ternyata dikongkangi masalah kewangan dan ekonomi yang paling buruk ekoran kejatuhan nilai matawang tadi. Ini membuatkan pemimpin negara-negara terbabit berusaha keras untuk cuba menyesuaikan diri dengan keadaan sambil mencari jalan bagi mengatasi masalah itu.

Malaysia juga tidak terkecuali berhadapan dengan kemelut itu, dan pada ketika negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan menerima bahana krisis itu sehingga terpaksa meminta pertolongan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pemimpin-pemimpin Asean menggesa agar satu usaha global diambil serta merta bagi menyekat kemerosotan matawang Asian yang terus menjunam di sebalik langkah-langkah pemulihan yang telah dijalankan.

Pemimpin-pemimpin ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan juga menggesa IMF agar mempercepatkan kajiannya ke atas urusan matawang bagi menyekat spekulasi matawang.

Dr Mahathir juga memberi pandangan tentang perlunya satu peraturan diwujudkan berhubung urusan matawang pada Forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik di Vancouver. Hasilnya pemimpin-pemimpin Lembaga Pasifik menyokong cadangan yang diinisiatifkan Malaysia agar IMF mengkaji peranan peniaga matawang dalam masalah kemerosotan matawang yang sedang melanda beberapa negara Asia itu.

Sementara itu, pemimpin-pemimpin G15 yang bermesyuarat di Kuala Lumpur awal November mengumumkan bahawa menteri kewangan dan gabenor bank pusat masing-masing akan bersidang bagi mencadangkan peraturan berhubung urusan niaga matawang. Mesyuarat itu dijadual berlangsung tahun depan.

Tahun 1997 juga menyaksikan Asean menyambut tahun ke 30 kelahirannya dan sekali gus membuktikan bahawa pengkritiknya telah silap. Pertubuhan itu bukan saja berdaya tahan tetapi turut bersikap pragmatik dalam menegakkan keamanan, kestabilan dan kemajuan bersama, seperti yang terbukti daripada rancangan besarnya untuk memajukan Lembangan Mekong dan pembangunan bersama gugusan kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Tuntutan individu dan bertindih dengan negara China ke atas beberapa buah pulau, juga nampaknya tidak akan memburuk menjadi punca konflik seperti yang dijangka oleh sesetengah pihak. Sebaliknya, mereka bersetuju untuk memajukan bersama pulau-pulau itu, yang dipercayai kaya dengan sumber petroleum dan gas.

Mesyuarat Menteri Asean bulan Julai juga menyaksikan Setiausaha Rendah Hal Ehwat Luar Filipina Rodolfo Severino dipilih menggantikan diplomat veteran Malaysia Datuk Ajit Singh sebagai Setiausaha Agung Asean yang baru bermula 1 Jan 1998.

Persidangan yang menyusuli mesyuarat itu, yang turut dihadiri Setiausaha Negara Amerika Madeleine Albright, menyaksikan episod menarik apabila Asia dan negara-negara barat bertelagah berhubung cadangan Malaysia agar Deklarasi Sejagat Bangsa-bangsa Bersatu Berhubung Hak Asasi Manusia disemak semula.

Hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat hampir menjadi tegang apabila berita awal menyebut bahawa Petronas akan disiasat di bawah Akta Sekatan Amerika ke atas Libya-Iran 1996 kerana terbabit dalam urusan pengeluaran gas di Iran.

Bagaimanapun, perbalahan yang lebih buruk dapat dielakkan apabila Timbalan Penolong Setiausaha Negara bagi hal ehwal Tenaga, Sekatan dan Komoditi, William Ramsay menjelaskan bahawa beliau datang ke Kuala Lumpur semata-mata untuk menjelaskan kepada pihak berkuasa Malaysia tentang akta berkenaan, dan bukan untuk menyiasat Petronas.

Tindakan 34 anggota Kongres Amerika mengemukakan usul di Dewan Perwakilan negara itu untuk mendesak Dr Mahathir meletak jawatan atau memohon maaf kerana kononnya mengeluarkan kenyataan berbau anti-semitik, juga membangkitkan kemarahan rakyat Malaysia.

Hubungan Malaysia dengan Singapura juga tegang seketika awal tahun ini apabila Menteri Kanan republik itu Lee Kuan Yew membuat kenyataan dalam satu afidavit mahkamah bahawa Johor Baharu adalah sarang "tembak-menembak, rompakan dan curi kereta".

Bagaimanapun, beliau telah memohon maaf di atas kenyataan itu yang ternyata telah menimbulkan keresahan diplomatik di kedua-dua belah Tambak Johor. Beliau juga berjanji akan menangani isu hubungan Malaysia-Singapura dengan lebih sensitif lagi, walaupun kedua-duanya mempunyai sejarah kejiranan yang lama.

Malaysia dan sebuah lagi negara jirannya Indonesia juga telah menandatangani satu perjanjian khas pada bulan Mei bagi merujuk tuntutan bertindih mereka ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan, dekat Sabah ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Walaupun mempunyai jadual yang begitu ketat di dalam negeri, Dr Mahathir masih berkesempatan melawat tidak kurang 20 negara sepanjang tahun ini, termasuk Argentina, Cuba, Afrika Selatan, Mongolia, Kyrgystan, Kuwait dan Japan. Lawatan luar negeri terakhirnya untuk tahun ini ialah ketika menghadiri Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) di Iran pada minggu kedua bulan Disember.

Malaysia juga menjadi tuan rumah kepada banyak tetamu yang terdiri

daripada ketua-ketua kerajaan atau negara asing sepanjang 1997 termasuk dari Austria, Thailand, Croatia, Afrika Selatan, Perancis, China, German, Mozambique, Sri Lanka dan Mesir.

Tetamu luar yang terbaru berkunjung ke negara ini ialah Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan iaitu pada bulan Disember. Semua lawatan dan kegiatan yang berkaitan dengan hal ehwal luar negara itu benar-benar menjadikan Wisma Putra sebuah institusi yang tidak pernah rehat sepanjang 1997. -- Bernama

MAM AM